

MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM  
(BAHAGIAN KORPORAT DAN PERHUBUNGAN AWAM)

AKHBAR : SINAR HARIAN  
TARIKH : 30 MEI 2016

## MBSA berjaya kumpul 12,955 kg E-Waste



Shukri (kanan) memasukkan barangan elektronik ke dalam tong kitar semula E-Waste sebagai gimik pelancaran majlis itu, baru-baru ini.

**SHAH ALAM** – Sejumlah 12,955 kilogram (kg) E-Waste berjaya dikumpulkan Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) bermula tahun 2013 lalu sehingga awal tahun ini.

Timbalan Datuk Bandar Shah Alam, Shukri Mohamad Hamin berkata, jumlah itu berjaya dikumpulkan hasil kerjasama majlis dengan Majlis Perwakilan Penduduk (MPP), ahli majlis kawasan dan juga penduduk dalam menguar-tarkannya kepada umum.

Menurutnya, bahan E-Waste seperti telefon bimbit, peti sejuk, televisyen, radio dan sebagainya dikategorikan

buangan terjadual (SW110) yang perlu diurus mengikut Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

"Pengurusan dan kaedah pelupusan bahan E-Waste yang tidak diurus dengan baik akan memudaratkan kesihatan kerana bahan ini mengandungi bahan toksik dan logam yang sangat berbahaya.

"Konsep pengurusan dan kaedah pelupusan E-Waste dari isi rumah yang dilaksanakan pada masa ini adalah secara konvensional (tidak menepati ciri-ciri amalan hijau)

dan kebanyakannya dikendalikan oleh pengusaha barangan lusuh (scrap dealer)," katanya pada sidang media selepas majlis pelancaran program E-Waste Alam Alliance di bawah program pengumpulan, pengangkutan dan pelupusan E-Waste daripada isi rumah (Household E-Waste).

Menurutnya, pelaksanaan program E-Waste Alam Alliance ini diterajui Jabatan Alam Sekitar (JAS) Selangor melibatkan tiga PBT iaitu MBSA, Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) dan Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ).